



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld.47
Bil.20

25 September 2003

TAMBAHAN
No.1

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

No. 289

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

FATWA UNDER SECTION 36

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of the power conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDELE

1. Bahawa Ajaran dan Fahaman Perjalanan 21 Laduni Rahmatullah (Ajaran Ismail bin Harun) adalah bercanggah dan menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan Negara.
2. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan percanggahan yang terdapat di dalam ajaran tersebut meliputi kepada beberapa perkara berikut:
 - 2.1. Di antara Ajarannya:
 - 2.1.1. Kumpulan ajaran yang dipimpin oleh Ismail bin Harun ini dinamakan Laduni kerana ilmu ajaran ini adalah suatu ilmu yang terlalu rahsia dan hanya diketahui oleh beliau (Ismail bin Harun) dan Allah sahaja.
 - 2.1.2. Ismail mendakwa bahawa ilmu ini diberitahu oleh Allah s.w.t yang sentiasa berada dengannya secara terus sebagai saksi dengan gelaran Yang Mulia Rabbul Jalil Habibullah Haji Ismail As-Siddiq r.a.
 - 2.1.3. Melalui ajaran perjalanan tersebut, Ismail mendakwa dapat memberi apa sahaja yang dipohon atau dipinta oleh pengikutnya dengan mendakwa bahawa (Ismail bin Harun) maha mengetahui.
 - 2.1.4. Ismail dikatakan mula mendapat ilmu Laduni Rahmatullah ketika berumur 45 tahun dan mula mendapat ilmu tersebut, pada waktu petang di mana beliau mendakwa bahawa Malaikat Jibrail telah datang dan menyampaikan wahu kepadanya semasa beliau dalam keadaan sedar dan jaga.
 - 2.1.5. Beliau mendakwa bahawa beliau diajar dan dididik oleh wali-wali Allah. Di antara wali-wali yang datang kepadanya ialah bernama Al-Mutalib-bangsa Arab, Tok Janggut, Lukman Al-Hakim dan Habib Nuh. Beliau juga mendakwa bahawa Rasulullah dan empat orang sahabat Baginda telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga beliau mencapai tahap yang tertinggi iaitu Rabbul Jalil.
 - 2.1.6. Kalimah “Salamun Khairan Kathira, Ya Allah Ya Rahman, Ya Rahimmakumullah, Tiada hak bagiku yang berkuasa itu Allah, tiada kuasa bagiku yang berkuasa itu Allah, Apa kataku kata Allah, Tiada lain hanya Allah” hendaklah dibaca dan diamalkan oleh pengikut sebagai zikir harian.

- 2.1.7. Mendakwa diri sebagai Hakim Kaabah Rabbul Jalil dan sesiapa yang hendak pergi menunaikan haji perlu menghakimkan terlebih dahulu kepada Ismail Harun untuk mendapatkan kepastian sama ada seseorang itu akan mendapat haji mabrus atau tidak.
- 2.1.8. Mendakwa Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w datang mengajar di rumahnya melalui tubuh badan dua orang anak muridnya iaitu Mat Deraman dan Ghazali bin Mohd. Hashim.
- 2.1.9. Pembelian Al-Quran mestilah dirujukkan kepada beliau untuk mendapatkan “*hikmah*” melalui proses tertentu yang dijalankan oleh beliau sendiri.
- 2.1.10. Beliau mendakwa kepada pengikutnya sekiranya keluar dari ajaran ini, mereka akan mendapat bencana seperti malu atau gila dan bagi pengikut yang menarik diri daripada ajaran ini, mereka tidak akan diterima oleh Allah dan tempatnya adalah neraka.
- 2.1.11. Beliau juga mendakwa mempunyai kuasa untuk mematikan dan memanjangkan hayat seseorang itu apabila mempelajari ilmu perjalanan 21 Laduni Rahmatullah ini. Beliau turut mendakwa boleh berkomunikasi secara terus dengan Allah.
- 2.1.12. Mendakwa setiap manusia mempunyai roh syirik dan perlu membersihkan diri dengan cara mempelajari ilmu Ajaran perjalanan 21 Laduni Rahmatullah. Beliau juga mendakwa bahawa dosa seseorang itu akan terhapus sekiranya berguru dengannya.
- 2.1.13. Beliau mendakwa bahawa tanpa beliau dunia akan kiamat kerana dengan ilmu perjalanan 21 Laduni Rahmatullah ini mampu untuk melambatkan kedatangan hari kiamat.
- 2.1.14. Setiap pengikutnya turut dianugerahi wali olehnya mengikut tahap kepatuhan ilmu yang dipelajari tersebut. Setiap tindakan dan geraklaku harian mereka mestilah merujuk kepada wali-wali tersebut.
- 2.1.15. Tidak memberarkan ahli-ahlinya membaca ayat Kursi dan Surah Yasin kerana mendakwa ianya tidak mempunyai apa-apa kelebihan.

2.2. Cara Pengajaran:

- 2.2.1. Dalam ajarannya, mengatakan bahawa pertalian Nabi Khidir dengan Nabi Musa adalah seperti talian Yang Mulia (Ismail Harun) dengan hubungan mereka (murid-murid).
 - 2.2.2. Mengatakan bahawa Nabi Khidir itu ialah Allah kerana mempunyai Sifatullah.
 - 2.2.3. Setiap pengikut yang berjumpa dengannya perlu bersalam dengannya yang duduk di atas katil. Tidak boleh duduk di sebelah kanannya kerana mendakwa ada Rasulullah s.a.w dan di sebelah kirinya terdapat empat orang sahabat.
3. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang mengajar, mengamal dan menyebar ajaran ini hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah s.w.t.
 4. Mana-mana orang Islam atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran dan fahaman-fahaman tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah-
 - a) untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarluaskan ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam Ajaran dan Fahaman Perjalanan 21 Laduni Rahmatullah (Ajaran Ismail bin Harun).
 - b) untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran ajaran-ajaran tersebut; atau
 - c) untuk menjadi anggota atau memimpin mana-mana golongan ajaran atau fahaman atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.
 5. Fatwa di bawah seksyen 36 yang telah disiarkan pada 5 Disember 2002 adalah dimansuhkan.

1. بهوا أجرن دان فهامن ڦرجالان 21 لادوني رحمة الله (أجران إسماعيل بن هارون) أداله برچغئه
دان مپليویغ دري ڦگاڻن أهل السنۃ والجماعۃ دان منجادی انچامن کهذا ڦرقادوان اومة ، کأوتوهن
اکام، ڦرقادوان بغضا دان کامانن نگارا.

2. فهامن دان اجران اين ۋەرلۇ دىكىت كىسلۇرۇ هېنىڭىز درىي بركمىغۇ دىنگىرى ۋۇلاو ۋېئىغ بىردا سىركەن
قىرغۇچا ھەن يېڭى تىرىدا قىشتىرىتى دىدالىم اجران ترسىبۇت ملىقۇتى كەذ بېراق ۋەرکارا بىرىكۈت:
2.1 دائىتارا اجرانىش :

2.1.1 کومقولن اجران يع دقيمهين أوليه إسماعيل بن هارون اين دنامكن لادوني كران علم
اجران اين أداله سوات علم يع تراللو رهسيا دان هاش دكتهوي أوليه بلپاو (إسماعيل
بن هارون) دان الله س حاج.

إسماعيل مندعوا بهوا علم اين دير يكن أوليه الله سبحانه وتعالى يع سنتياس براد دغنه
سچارا تروس سباکي سقسي دغنه گلاران يع مليا رب الجليل حبيب الله حاج
إسماعيل الصديق رضي الله عنه

ملاووي اجران ڦجالانن ترسبوت، إسماعيل مندعوا دافت ممبري اڻ سهاج يع 2.1.3
دڻو هون اتو دڻيتا أوليه ڦغيڪوٽن دُغٽ مندعوا بهوا (إسماعيل بن هارون) مها
معنهوي.

2.1.4 اسماعیل دکاتکن مولا مندافت علم لادونی رحمة الله کتیک بر عمور 45 تاهون دان
مولا مندافت علم ترسیبوت، قد وقت قفع دمان بلياو مندعوا بهوا ملائكة جبریل نله
دانعه دان میمیغینکن و حبیو کفدا ش سماس بلياو دالم کادأن دان جاگنا

بلياو مندعوا بهوا بلياو دان دديديق أوليه والي- والي الله. دأنتارا والي- والي 2.1.5
يع داتع كفداش اياله برنام المطالب. بعسا عراب، توء جعكوت، لقمان الحاكيم دان
حبيب نوح. بلياو جوك مندعوا بهوا رسول الله دان امفت اورع صحابة بكتيندا تله
ممبرى بيهميغون دان تونجوق اجر سهيشكًا بلياو منچافي تاهف يع ترتیئځي يأيت رب
الجليل.

2.1.6 "سلام خيرا كثيرا، يا الله يا رحمن، يا رحيمك الله ، تياد حق باكىكو يع برح
ايت الله، تيادا كواس باكىكو يع برکواس ايت الله. اف كاتكو كات الله، تياد لايin هان
الله" هندقله دباج دان دعملکن أولیه ڦغیکوت سپاگی ذکر هارین.

- 2.1.7 مندعوا ديري سبائىي حكيم كعبه رب الجليل دان سسياق يع هندق ۋەرگىي منونىكىن حاج ۋەرلۇ مەخاکىمكىن تىلىيە دەھولو كەدا إسماعيل ھارون أونتوق مەدافتەن كېسەتىان سمادا سساورغ ايت اكن مەدافتە حاج مەبرور اتو تىدق.
- 2.1.8 مندعوا الله سبحانه وتعالى دان رسول الله صلى الله عليه وسلم داتئە معاجر درومەن مەلائىي توبوه بدان دوا أورغ انق مورىدىن يأيت مت درامن دان غزالى بن محمد.
- 2.1.9 ۋەمبىيان القرآن مەستىلە درجوقكىن كەد بلياو أنتوق مەدافتەن "حڪمە" مەلائىي ۋەرسىس تىرتتۇ يع دجالنەن اولىيە بلياو سندىرىي.
- 2.1.10 بلياو مندعوا كەد ۋەيىكتۇش سكىراڭ كلوار دري أجاران اين، مەرىك اكن مەدافتە بىچان سەرت ماتىي اتو كېلا دان باڭى ۋەيىكتۇش يع منارىق ديري درەد أجران اين ، مەرىك تىدق اكن دىرىيما اولىيە الله دان تەفتەن ئادالە نراك.
- 2.1.11 بلياو جوڭ مندعوا مەفۇيائىي كواس أونتوق مەماتىكىن اتو مەنچىكەن حىاة سساورغ ايت اقېبىلا مەقلاجرى علم ۋەرجالان 21 لادۇنى رجمە الله اين. بلياو توروت مندعوا بولىيە بركمونىكاسىي سچارا ترۇس دەن الله.
- 2.1.12 مندعوا ستىاف مانسىي مەفۇپايىي روح شىرىيەك دان ۋەرلۇ مېرسىيەكىن ديري دەن چارا مەقلاجرى علم أجران ۋەرجالان 21 لادۇنى رجمە الله. بلياو جوڭ مندعوا بەھوا دوسا سساورغ ايت اكن تەھاۋۇس سكىراڭ بىرگۈرۈ دەن.
- 2.1.13 بلياو مندعوا بەھوا تەنبا بلياو دنيا اكن قىيامە كران دەن علم ۋەرجالان 21 لادۇن رجمە الله اين مەفۇ اونتوق مەلمىتكەن كەداتاغۇن ھارىي قىيامە.
- 2.1.14 ستىاف ۋەيىكتۇش توروت دانوڭراھىي والى أولىيەن مەيىكىت تاھەن كەۋاتوھن علم يع دەللاجرى تىرسىبىت. ستىاف تىنداكىن دان كەرقلاڭو ھارىن مەرىك مەستىلە مەروجوق كەد والى – والى تىرسىبىت.
- 2.1.15 تىدق مەبىرکەن أھلىي- أھلىي مباج آيە كرسى دان سورە يىس كران مندعوا اياش تىدق مەفۇيائىي أق-أق كلىيەن.

2.2 چارا ۋەچىرى:

- 2.2.1 دالىم أجرانش، مەتاڭن بەھوا ۋەرلىيان نبى خضر دەن نبى موسى ئادالە سەرت تالىيان يع مليا (إسماعيل ھارون) دەن ھوبۇغۇن مەرىك (مورىد- مورىد).
- 2.2.2 مەتاڭن بەھوا نبى خضر ايت اىيالە الله كران مەفۇيائىي صفة الله.

2.2.3 ستیاق ڦیکوت یع بر جومقا دغۇن ڦارلو بىرسلام دغۇن یع دودوق دايس کاتيل، تىدق بولىه دودوق دىبلە كاننىڭ كران مىدعاوا أدا رسول الله صلى و سلم دىبلە كىرىش ترداشت امقة اورۇغ صحابە.

3. أولىه اىت؛ مان-مان اورۇغ اسلام يع معاجر، مىعەمل دان مېپىير أجران اين هندقلە سكرا بىرتوبە سرت مموھون كامفونن درەد الله سبحانه وتعالى.

4. مان-مان اورۇغ اسلام اتو كومقولن يع بر قىڭىز كەد أجران دان فهامن- فهامن ترسبوت اداله دلارۇ سماسکلى كران أىي بر چىڭە دغۇن ڦەڭاڭن اهل السنۃ والجماعە:-

أ. اوتنوق معاجر، مەقلاجرى، مىعەملەن، بر قىڭىز كەد اتو مېپىيركەن اجران دان فهامن - فهامن يع ترکىنۇڭ دالم أجران دان فهامن ۋەرجلانن 21 لادۇنى رحمة الله (أجران إسماعيل بن هارون)

ب. اوتنوق مىربىتىن اق-اق-اق بىنتوق، ئىپرسى اتو ۋارىياسىن اتو اق-اق-اق ترجمەن دالم اق-اق بەھاس اتو اق-اق باھن ۋېلىسىتى اتو اتس اق-اق باھن، سىماؤ باھن چىتق اتو ئېلىترونيق اتو سلائىن اتوملائىي اق-اق مىدىيا، اتو اق-اق-اق فایدە يع بولىه مىباوا كەد چېپىران أجران-أجران ترسبوت، اتو

ت. اوتنوق منجادي أڭۇتا اتو مەممەن مان-مان كۈلۈغۇن أجران اتو فهامن اتو مەبتى دالم مەھىيدوڭىن اتو مەمبىغەن كوم قولن سەمكىان.

5. قتوى دباوه شىقىشىن 36 يىڭىز تىلە دىياركەن ۋە 5 دىسمېر 2002 أداله دەنسو خەن.

Bertarikh 19 September 2003.

Dated 19 September 2003.

[Bil. (47) dlm. PU/PP 3200 Jld.1]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang